

NO. SOALAN : 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]
TARIKH : 26.7.2017 (RABU)

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakan Kerajaan mempunyai cadangan untuk menetapkan harga siling bagi air mineral dalam botol agar tidak melebihi RM1 bagi 500ml memandangkan air mineral di pasaraya dan tempat makan sering dikenakan caj mahal.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian ini tidak bercadang untuk membuat penetapan harga siling bagi air mineral dalam botol walaupun menyedari bahawa harga air mineral botol 500ml adalah berbeza mengikut jenama di pasaran seperti Spritzer, Cactus dan jenama *housebrand hypermarket*. Namun begitu, sekiranya di dapati harga produk botol air mineral 500ml adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah, kementerian boleh mengambil tindakan menerusi **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** khususnya **Peraturan – Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016**. Pengeluaran Notis di bawah **Seksyen 21 Akta** dikuatkuasakan dengan tegas ke atas mana – mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan penjelasan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 26 JULAI 2017 (RABU)

SOALAN : 79

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bagaimana Kerajaan dapat membantu dalam penyiasatan, penangkapan dan pendakwaan terhadap mereka yang menembak jatuh MH17 di Mahkamah Netherlands.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB. Selayang, sebagai salah satu anggota Pasukan Penyiasatan Bersama (*Joint Investigation Team – JIT*) yang menjalankan siasatan jenayah berhubung nahas penerbangan MH17, Malaysia bersama-sama dengan Australia, Belanda, Belgium dan Ukraine telah menjalinkan kerjasama antarabangsa dalam semua aspek penyiasatan terhadap orang-orang yang dipercayai terlibat dalam penembakan jatuh pesawat MH17. Kerjasama ini akan terus dijalinkan dalam fasa penangkapan dan pendakwaan di mahkamah Belanda kelak.

Berhubung bantuan Malaysia dalam aspek penyiasatan, Malaysia telah membantu dalam menjalankan siasatan ke atas pesawat dan rekod yang diperolehi daripada Malaysia Airlines (MAS) dan Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Malaysia turut menghantar pegawai-pegawai penyiasat untuk turut terlibat dalam melaksanakan penyiasatan di lokasi di mana bangkai pesawat ditemui untuk mencari serpihan-serpihan bahagian pesawat dan lain-lain keterangan.

Berhubung bantuan Malaysia dalam fasa penangkapan kelak, Malaysia akan memberi bantuan dengan menggunakan kaedah kerjasama antarabangsa melalui ekstradisi atau bantuan undang-undang bersama selari dengan undang-undang domestik yang sedia ada iaitu *Extradition Act 1992 (Act 479)* dan *Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 (Act 62)* sekiranya ianya boleh digunapakai. Malaysia juga akan bersama-sama dengan negara-negara lain dalam JIT untuk memberi

tekanan politik bagi mendapatkan orang-orang yang terlibat dalam penembakan jatuh pesawat MH17.

Manakala, berhubung bantuan Malaysia dalam fasa pendakwaan kelak, Malaysia akan meneruskan kerjasama bersama-sama negara-negara yang diwakili dalam JIT seperti mana yang dilaksanakan pada masa ini dalam kerja-kerja penyediaan mekanisma pendakwaan. Malaysia juga berhasrat mengambil bahagian dalam pendakwaan nasional atau sebagai pemerhati sepanjang masa prosiding jenayah tersebut berjalan. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada perbincangan lanjut dengan pihak Pendakwa Raya Belanda dan lain-lain negara yang diwakili dalam JIT. Selain daripada itu, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam JIT juga telah bersetuju supaya memberikan sumbangan kewangan kepada pihak Belanda dalam melaksanakan pendakwaan nasional kelak.

SOALAN (80)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 26 JULAI 2017
[RABU]
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]

SOALAN :-

YB. Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang sihat dan minat beriadah khususnya berbasikal, apakah usaha Kerajaan dalam menyediakan kemudahan yang sesuai dan selamat untuk penunggang basikal.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau dan Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau bagi Penyediaan Laluan Basikal pada tahun 2012. GPP ini disediakan bagi membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju, badan Kerajaan dan bukan Kerajaan semasa merancang dan mereka bentuk sesuatu pembangunan hijau.

Penggunaan basikal pada masa kini untuk tujuan rekreasi khususnya dilihat semakin berkembang dan popular di kalangan masyarakat Malaysia bagi menggalakkan masyarakat sihat dan aktif. Antara aspek yang disentuh berkenaan penyediaan laluan basikal dalam GPP ini adalah jenis-jenis

lalu lintas basikal, pengintegrasian lalu lintas basikal dengan perancangan jalan raya dan kemudahan transit, kemudahan tempat letak basikal, penyediaan pelan induk lalu lintas basikal serta ciri-ciri dan elemen reka bentuk lalu lintas basikal.

KPKT melalui PLANMalaysia turut menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Bandar Sihat Mesra Pejalan Kaki (*Healthy Walkable City*) yang memberi penekanan kepada pewujudan persekitaran mesra pejalan kaki dan berbasikal sebagai mod pergerakan dan pengangkutan yang mesra alam di dalam bandar khususnya. Antara aspek yang ditekankan adalah penyediaan pelan induk pejalan kaki dan basikal di peringkat PBT semasa penyediaan rancangan pemajuan dan program-program yang berkaitan seperti Program *LinkBike Berbasikal*, *Car Free Campaign* serta lain-lain usaha kerajaan dalam menyediakan kemudahan yang sesuai dan selamat untuk penunggang basikal.

Dalam memastikan usaha kerajaan untuk menggalakkan penggunaan basikal di peringkat tempatan, satu penghargaan iaitu Program

Penghargaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau turut diberikan kepada PBT setiap tahun yang aktif melaksanakan inisiatif pembangunan kejiranan hijau termasuklah penyediaan laluan basikal bermula pada tahun 2011 sehingga kini.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017